

Ubat kuat ragut nyawa

MIETRO BHAD 23/05/2010

Mati ketika hubungan kelamin

MIS 10

>>Oleh ZAINUDDIN ZAIN, FUAD HADINATA YAACOB, ASMIZAN MOHD SAMIRAN dan MOHD AZAM SHAH YAACOB
metahad@hmetro.com.my

BUTTERWORTH: Tidak takut mati! Itu tindakan gila segelintir lelaki yang sanggup mengga-dai nyawa demi memuaskan nafsu serakah dengan mengambil ubat menambah tenaga seksual tanpa mengetahui status kandungan dan syarikat pengeluar ubat berkenaan.

Akibatnya, ada di antara mereka bukan saja mengalami pengalaman pelik seperti kemaluan menjadi kecut dan pendek, malah menemui ajal ketika melakukan hubungan seks.

Seorang kaki 'ubat kuat' tegar yang hanya mahu dikenali sebagai Abang Zack, 50-an, dalam pengakuannya berkata, kes kematian ketika melakukan hubungan seks itu membabitkan seorang rakannya dan ia berlaku pertengahan tahun lalu.

"Umur rakan saya itu hampir sebaya dengan saya. Dia mati ketika melakukan hubungan seks dengan isterinya. Saya yakin kematiannya ada kaitan dengan ubat kuat kerana sebelum pulang ke rumah dia memaklumkan

kepada saya yang dia mengambil ubat yang kami namakan 'pil sempoi' untuk melayan isterinya.

"Esoknya saya menerima berita kematiannya dan ketika menghadiri pengebumiannya, saya dimaklumkan dia makan sebiji lagi pil sempoi sebelum mengadakan hubungan seks dengan isterinya," katanya.

Abang Zack berkata, berdasarkan pengalamannya yang pernah mengambil puluhan jenis ubat kuat sejak berusia 20-an, memang ada ketikanya hasil diharapkan tidak menjadi, sebaliknya berlaku komplikasi pada alat sulit.

"Satu pengalaman yang sukar dilupakan ialah apabila alat sulit saya mengecut dan menjadi pendek hanya kira-kira tiga inci. Keadaan itu berkekalan untuk beberapa hari, menyebabkan saya hampir panik.

"Puas juga saya berjumpa beberapa tukang urut untuk memulihkan kembali 'kecacatan' itu, dan mujur seorang daripada mereka berjaya melakukannya. Jika tidak, pasti saya menyesal tak sudah," katanya.

Ditanya tidakkah kejadian itu membuatkan dia serik untuk mengambil ubat kuat yang kebanyakannya dibeli

di kaki lima atau daripada rakan, Abang Zack berkata, dia insaf hanya seketika kerana sukar untuk menghentikan amalan itu.

"Kalau boleh, memang saya nak berhenti tapi ia bukan senang. Saya ada ramai teman wanita, kalau tak ambil ubat kuat macam mana saya nak melayan mereka," katanya.

Malah, kata Abang Zack, selepas sekian lama mengambil ubat kuat, dia kini semakin berani dan seronok untuk mencuba apa saja ubat kuat yang diperkenalkan kepadanya.

"Saya akan mencuba apa saja ubat yang dikatakan baru, tetapi saya hanya peruntukkan RM10 untuk setiap ubat. Jika ubat itu berkesan, saya akan terus ambil.

"Jika kesannya tidak seberapa, saya tidak akan mengambilnya lagi," katanya sambil memberi beberapa nama gelaran untuk ubat kuat yang pernah dicuba seperti 'kambing gurun', 'ubat semut', 'semut negro' dan 'semut hitam'.

Sementara itu di Alor Setar, seorang peniaga yang hanya ingin dikenali sebagai Mie mendakwa, kes kematian akibat mengambil terlalu banyak ubat kuat turut berlaku kepada rakannya, se-



BUKTI... Abang Zack menunjukkan koleksi ubat kuat miliknya.

orang warga tua berusia 60-an.

"Kejadian berlaku beberapa tahun lalu selepas rakan saya yang menduda hampir 10 tahun berkahwin dengan janda berusia 40-an. Arwah meninggal dunia hanya ki-

ra-kira 10 hari selepas mereka berkahwin.

"Saya masih ingat arwah membeli pil berkenaan daripada seorang lelaki Cina yang menasihatkannya mengambil pil berkenaan seminggu dua atau tiga biji saja

atau sejam sebelum mengadakan hubungan seks.

"Bagaimanapun, arwah makan ubat itu 10 hari berturut-turut dan saya percaya lebih dos ubat berkenaan menjadi punca kematiannya," katanya.